



**MINIT MESYUARAT KALI KE-69 MAJLIS BERSAMA JABATAN  
YANG DIADAKAN PADA HARI RABU 13 JULAI 2022, JAM 2.30 PETANG  
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANSELORI (CCR), ARAS 6 BANGUNAN  
CANSELORI DAN SECARA DALAM TALIAN**

---

**Kehadiran : Pengerusi**

YBhg. Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan  
Naib Canselor

**Ahli Wakil Majikan**

YBhg. Profesor Dato' Dr. Narimah binti Samat  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik & Antarabangsa

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman  
Pengarah Hospital  
Hospital Universiti Sains Malaysia

YBrs. Profesor Dr. Shaharum Bin Shamsuddin  
Pengarah Kampus, Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria  
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi  
Penasihat Undang-Undang

YBhg. Dato' Dr. Musa bin Hj. Ali  
Pendaftar

YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah  
Bendahari

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff  
Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

**Ahli Wakil Pekerja**

**Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM**

Ybrs. Profesor Ir. Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar (Presiden)

Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar

Cik Nur Mariyam Binti Musa

Encik Abdul Mu'izz Bin Abd Aziz

Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil

Dr. Ngo Sheau Shi

Ts. Dr. Mohamed Azlan Bin Ashaari

Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin

### **Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM**

Encik Ahmad Rizwan Bin Zulkharnain (Presiden)  
Encik Mohd Zulkifly Bin Ibrahim  
Puan Hasnah Binti Hassan  
Encik Nik Fakurudin Bin Nik Ali  
Puan Azliza Binti Ahmad  
Encik Mohd Shukur Bin Abidin

### **Setiausaha Bersama**

Encik Mohd Zulkarnain Bin Mohamad Tajulariffin  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin Bin Ahmad  
Setiausaha  
Kesatuan Kakitangan Am

### **Turut Hadir**

Encik Mohd Jalaludin Bin Azizan  
Ketua Penolong Pendaftar  
Jabatan Pendaftar  
Kampus Kejuruteraan

**Tidak Hadir** : Encik Syaarani Amri Bin Muhamad  
Kesatuan Kakitangan Am USM

---

## **MINIT 1 Aluan Pengerusi**

### **1.1 Aluan Kedatangan dan Ucapan Terima Kasih**

Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengalukan-alukan kedatangan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir secara fizikal dan secara dalam talian. Memaklumkan bahawa ini merupakan mesyuarat pertama yang diadakan secara hibrid setelah dua (2) tahun wabak pandemik COVID-19 melanda negara.

Pengerusi mengalukan kedatangan ke mesyuarat MBJ kepada Ahli Jawatankuasa PKAPUSM yang baharu dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang diadakan pada 23 April 2022 mewakili wakil pekerja ke MBJ. Ahli yang terlibat ialah:

- ❖ YBrs. Profesor Ir. Dr. Badorul Hisham Bin Abu Bakar
- ❖ Dr. Zuraidah Binti Abu Bakar
- ❖ Cik Nur Mariyam Binti Musa
- ❖ Profesor Madya Dr. Rohana Binti Abd. Jalil
- ❖ Dr. Ngo Sheau Shi
- ❖ Cik Nadia Roselilyana Binti Noordin

Pengerusi merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas sumbangan dan sokongan dari ahli mesyuarat yang tidak lagi terlibat dalam Majlis Bersama Jabatan seperti berikut;

- ❖ Profesor Madya Dr. Azeem Fazwan Bin Ahmad Farouk
- ❖ Profesor Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah
- ❖ Profesor Madya Dr. Mohamad Rashidi Bin Mohd Pakri
- ❖ Profesor Madya Chm. Dr. Lee Hooi Ling
- ❖ Dr. Mohd Zahri Bin Abdul Aziz
- ❖ Puan Ida Haryati Binti Ibrahim Bey

## **1.2 Perkembangan Semasa Universiti**

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan inisiatif-inisiatif terkini yang telah dilaksanakan oleh pihak USM dalam tahun 2022. Mesyuarat telah mengambil maklum dan meneliti lampiran yang telah diedarkan oleh pihak Pejabat Naib Canselor yang mengandungi rumusan berkenaan inisiatif tersebut dan perkara-perkara penting yang sedang berlaku dalam universiti.

Melalui perkongsian maklumat dari semasa ke semasa seperti ini, Pengerusi berharap agar platform seperti MBJ ini dapat dimanfaatkan sebaiknya dengan niat untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara pihak majikan dan pihak pekerja dalam membina lebih banyak perkara-perkara positif untuk kecemerlangan universiti di masa hadapan. Pengerusi turut berharap agar pihak wakil pekerja dapat memanfaatkan platform MBJ untuk terus membantu usaha-usaha universiti memastikan kesejahteraan warga staf secara keseluruhannya.

### **MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat**

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat kali ke-68 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Isnin, 18 April 2022, jam 9.30 pagi yang diadakan secara dalam talian dengan catatan tambahan di bahagian Hal-hal Lain berkenaan perkara yang telah dibangkitkan oleh pihak PKAPUSM seperti berikut:

- i. Perjumpaan / perbincangan antara Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Yang Dinilai (PYD) dalam proses penilaian prestasi tahunan staf.
- ii. Kriteria kenaikan pangkat akademik yang jelas dan telus.

**[ Tindakan: Setiausaha MBJ ]**

### **MINIT 3 Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-68**

Tiada perkara berbangkit dari Mesyuarat kali ke-68 Majlis Bersama Jabatan. Mesyuarat mengambil maklum bahawa semua tindakan susulan kepada perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat terdahulu telah diambil perhatian dan tindakan oleh pihak majikan dan pihak wakil pekerja masing-masing.

### **MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan**

- Tiada perkara / usul cadangan daripada Pihak Majikan

### **MINIT 5 Perkara Daripada Pihak Pekerja**

#### **5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)**

Mesyuarat mengambil maklum bahawa enam (6) cadangan perkara / usul yang telah dicadangkan oleh pihak PKAPUSM untuk dibincangkan dalam mesyuarat telah diteliti oleh Pengerusi dan Pengerusi telah bersetuju untuk tidak dijadikan sebagai agenda dalam mesyuarat ini kerana agenda yang dicadangkan telah dibincangkan dalam MBJ sebelum ini.

Mesyuarat juga mengambil perhatian bahawa, Pengerusi memaklumkan bahawa, pihak Wakil Pekerja telah diberi penerangan secara komprehensif di MBJ dan juga pada sesi penerangan Naib Canselor kepada semua staf sebelum ini.

## 5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

- Tiada perkara / usul cadangan daripada pihak KKAUSM

### MINIT 6

#### Hal-hal Lain

Pengerusi telah bersetuju untuk menerima beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pihak wakil pekerja untuk dibincangkan secara umum. Pengerusi memohon pihak Wakil Pekerja untuk sentiasa menjalankan perbincangan dan sesi *engagement* yang menyeluruh bersama pekerja bagi menyediakan cadangan atau usul di MBJ di masa hadapan.

#### 6.1 Minit Mesyuarat MBJ

Pihak PKAPUSM mengambil perhatian mesyuarat berkenaan isu pengaksesan dan pengedaran Minit Mesyuarat MBJ bagi memastikan keberkesanan tadbir urus mesyuarat. Mesyuarat turut mengambil perhatian berkenaan butiran dari Perlembagaan MBJ USM berkaitan tempoh edaran minit mesyuarat seperti berikut;

*Klausu 7.6 ; Perlembagaan MBJ USM*

*“Minit Mesyuarat perlu diedarkan kepada ahli dalam tempoh satu (1) bulan selepas mesyuarat dilaksanakan”.*

Setiausaha MBJ telah mengambil maklum dan perhatian berkenaan cadangan dan saranan pihak PKAPUSM agar pihak urusetia memastikan tempoh edaran minit adalah sepertimana yang telah diperuntukkan dalam perlembagaan serta dapat memuatnaik minit mesyuarat ke portal rasmi MBJ USM agar dapat diakses dengan mudah dari semasa ke semasa.

**[ Tindakan: Setiausaha MBJ ]**

#### 6.2 Minit Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian / Pusat

Pihak PKAPUSM memaklumkan kepada mesyuarat tentang aduan yang diterima dari pekerja berkenaan dengan isu kelewatan edaran Minit Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian/Pusat serta aduan berkenaan dengan catatan minit mesyuarat yang tidak tepat sepertimana keputusan yang dicapai dalam mesyuarat. Pihak PKAPUSM juga turut menekankan tentang tempoh empat belas (14) hari untuk edaran minit mesyuarat seperti yang dinyatakan dalam Perintah Tetap Majlis Pusat Pengajian/Pusat. Pihak PKAPUSM memohon agar pihak pengurusan universiti dapat membuat teguran dan sentiasa mengingatkan Ketua Jabatan tentang perkara ini.

Mesyuarat mengambil perhatian tentang perkara ini dan akan membuat semakan kepada Ketua-Ketua Jabatan yang berkenaan bagi memastikan perkara ini dapat ditambahbaik di masa hadapan.

**[ Tindakan: Timbalan Naib Canselor, Akademik & Antarabangsa ]**

#### 6.3 Iklan Kenaikan Pangkat Guru Bahasa

Pihak PKAPUSM memohon penerangan berkenaan iklan untuk permohonan kenaikan pangkat Guru Bahasa pada tahun 2022.

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa iklan kenaikan pangkat Guru Bahasa sedang dalam proses pengeluaran iklan dan permohonan akan dibuka dalam tempoh waktu terdekat. Pihak PKAPUSM turut mengambil perhatian tentang jemputan wakil PKAPUSM ke mesyuarat yang akan diadakan pada 16 Julai 2022 bagi tujuan pemurnian kriteria baharu kenaikan pangkat akademik.

[ Untuk makluman ]

#### **6.4 Perancangan Pelaksanaan Kempen Keselamatan di USM**

Pihak KKAUSM membentangkan kepada mesyuarat berkenaan perkara yang telah dibincangkan di dalam program *Townhall* Naib Canselor bersama Kumpulan Pelaksana yang telah dilaksanakan di Dewan Tuanku Syed Putra, Universiti Sains Malaysia baru-baru ini.

Mesyuarat mengambil maklum tentang inisiatif yang telah dirancang oleh pihak KKAUSM antaranya adalah kempen keselamatan penunggang motosikal yang melibatkan ketiga-tiga kampus. Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa, perkara ini masih dalam proses penelitian secara berperingkat dan pihak KKAUSM juga telah mengadakan beberapa siri perbincangan bersama pihak pengurusan universiti bagi memastikan penganjuran program ini dapat memberikan impak positif sebelum ianya dilaksanakan secara menyeluruh.

[ Untuk makluman ]

#### **6.5 Nilai Surcaj Kehilangan Aset**

Pihak KKAUSM membangkitkan isu berkenaan nilai surcaj yang dikenakan kepada pegawai aset atas kehilangan aset. Antara perkara yang menimbulkan ketidakadilan adalah surcaj yang dikenakan kepada pegawai aset yang baharu ditugaskan untuk bertanggungjawab atas kehilangan aset melibatkan kes-kes terdahulu melangkaui tempoh 5 hingga 10 tahun yang lalu.

Selain itu, pihak KKAUSM juga memohon universiti untuk meneliti semula nilai surcaj yang dikenakan agar ianya bersesuaian dan mengambil kira susut nilai aset tersebut pada waktu kehilangan berlaku.

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa, perkara ini telah dibincangkan bersama di dalam Taklimat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang menyatakan bahawa tiada surcaj atau tindakan akan dikenakan terhadap kehilangan aset yang lama. Universiti juga sedang giat dalam proses pelupusan khas melibatkan semua kampus.

Mesyuarat turut dipohon untuk mengambil perhatian dan mengemukakan maklumbalas atau aduan secara rasmi kepada Naib Canselor atau Penasihat Undang-Undang sekiranya terdapat kes-kes yang bercanggah dengan keputusan universiti melibatkan surcaj ini.

[ Untuk Makluman ]

#### **6.6 Surat Pelantikan Ahli Jawatankuasa MBJ**

Pihak PKAPUSM membangkitkan isu berkenaan kesilapan penggunaan perkataan "dan" dalam klausa 4 (a) muka surat 2 di surat rasmi Pelantikan Sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) kepada ahli MBJ baharu dilantik. Klausa yang digunapakai dalam perlembagaan MBJ USM dan pekeliling perkhidmatan adalah seperti berikut:

*“Perbincangan hendaklah menyentuh perkara-perkara am sahaja dan tidak melibatkan perkara-perkara yang melibatkan pekerja individu.”*

Pihak Setiausaha MBJ mengambil maklum berkenaan perkara ini dan akan mengeluarkan surat pelantikan yang baharu kepada ahli mesyuarat.

**[ Tindakan: Setiausaha MBJ ]**

#### **6.7 Pelaksanaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan Secara Bersemuka**

Pihak PKAPUSM membangkitkan isu ini semula kerana pihak PKAPUSM masih menerima aduan dan laporan terhadap Pusat Tanggungjawab yang melaksanakan proses penilaian prestasi tanpa melaksanakan perbincangan antara PYD dan PPP (sama ada secara bersemuka atau tidak) khususnya dalam penghasilan SKT, penilaian prestasi pertengahan tahun dan penilaian prestasi akhir tahun. Pihak PKAPUSM memohon supaya proses pelaksanaan penilaian prestasi tahunan ini dilaksanakan secara konsisten atas prinsip ketelusan dan mohon diberikan perhatian oleh Ketua Jabatan, Bahagian Sumber Manusia dan pihak Pengurusan Tertinggi USM.

Pengerusi mengambil maklum dan perhatian berkenaan perkara ini dan memaklumkan kepada mesyuarat bahawa tindakan susulan akan diambil oleh pihak universiti melalui Bahagian Sumber Manusia bagi memperjelaskan prosedur pelaksanaan khususnya kepada Ketua-Ketua Jabatan di PTJ terlibat.

**[ Untuk makluman ]**

#### **6.8 Pelaksanaan Pelantikan Pensyarah Baharu Secara Kontrak**

Mesyuarat mengambil maklum tentang kenyataan pihak PKAPUSM yang memandang serius dalam memastikan kebajikan staf terpelihara dan perjalanan kerjaya staf adalah jelas. Justeru, PKAPUSM mohon pihak universiti untuk mengkaji semula perkara berkaitan syarat dan tempoh pelantikan staf akademik secara kontrak. Pihak PKAPUSM turut memohon untuk mendapatkan penjelasan berkenaan perbezaan status lantikan staf akademik kontrak secara berwaran atau tidak berwaran termasuk justifikasi terhadap perbezaan kaedah lantikan tersebut. Pihak PKAPUSM bersedia untuk membantu menyalurkan maklumat yang tepat kepada pekerja yang keliru disebabkan kekurangan maklumat berkenaan kepelbagaian kaedah pelantikan tersebut.

Presiden KKAUSM telah mengambil perhatian mesyuarat berkongsi tentang penglibatan pihak KKAUSM bersama pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) di dalam Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang diadakan pada 1 Mei 2022 yang lalu, yang telah turut membincangkan berkenaan perkara pelantikan secara kontrak ini.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, melalui perbincangan tersebut, telah dinyatakan tentang perancangan JPA yang pada awalnya adalah mengarahkan badan berkuasa melantik untuk melaksanakan pelantikan secara kontrak bagi tempoh maksima tujuh (7) tahun kepada penjawat awam.

Pihak KKAUSM menyatakan pandangan bahawa isu pelantikan secara kontrak ini diputuskan berdasarkan kepada status semasa kewangan negara dan ianya tidak seharusnya dilihat hanya dari aspek faedah staf dalam pelantikan seperti tempoh perkhidmatan, pencen, kenaikan gaji tahunan dan sebagainya.

Proses pelantikan haruslah dilihat dari sudut kedudukan semasa kewangan universiti sebagai badan berkuasa melantik dan mengimbangi agihan peruntukan emolumen yang terhad bagi menampung keperluan lantikan staf bukan sahaja melibatkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau staf akademik, tetapi juga keperluan kritikal melibatkan staf-staf dari Kumpulan Pelaksana. Pihak KKAUSM mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti yang telah mempertimbangkan lantikan staf kumpulan pelaksana secara kontrak bagi menampung keperluan kritikal semasa.

Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa, pihak universiti bercadang untuk mengadakan sesi khas bersama semua ahli PKAPUSM bagi menjelaskan perkara berkaitan dasar pelantikan dan perjawatan universiti dan perancangan universiti bagi menampung keperluan sumber manusia dalam keadaan kedudukan kewangan universiti yang terhad. Sesi khas ini diharap dapat membantu warga staf khususnya ahli PKAPUSM untuk memahami perkara ini dengan lebih baik dan menyeluruh.

[ Untuk makluman ]

#### 6.9 Pemansuhan Sistem Kehadiran Kerja Staf (SKKF)

PKAPUSM ingin memohon penerangan lanjut berkenaan pelaksanaan penggunaan Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) kepada staf akademik sama ada ianya akan digunapakai secara berterusan atau hanya untuk tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja.

Pengerusi bersetuju bahawa penggunaan Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) ini digunapakai secara menyeluruh untuk staf akademik dan penggunaannya bukan untuk tempoh PKP sahaja malah akan digunapakai secara berterusan.

[ Untuk makluman ]

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang dengan ucapan terima kasih dan ucapan Selamat Hari Raya Aidiladha dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

oooOOOooo

Disediakan oleh :-



ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN  
MOHAMAD TAJULARIFFIN  
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :



ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD  
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)  
MBJ USM